

**PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS, DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL A/L KARPAL SINGH  
(BUKIT GELUGOR)**

**TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN NO : 96**

**Y.B. TUAN RAMKARPAL A/L KARPAL SINGH** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang yang spesifik untuk memberi definisi kepada perkauman (*racism*) dan juga untuk mengurangkan masalah perkauman yang kini semakin berleluasa.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kerajaan belum bercadang untuk memperkenalkan satu undang-undang khusus untuk memberi definisi kepada perkauman (*racism*) di negara ini. Merujuk kepada Akta Hasutan 1948 Pindaan 2015 masih berupaya untuk membendung sebarang kesalahan dan ancaman yang melibatkan perkauman buat masa ini tetapi ia berlandaskan punitif.

Walaupun demikian, kerajaan menyambut baik saranan daripada Yang Berhormat, dan kerajaan sedang dalam proses menggubal satu akta dinamakan Akta Keharmonian Nasional yang lebih mesra rakyat kerana ia akan menggunakan pendekatan *corrective measures* yang lebih tertumpu ke arah usaha-usaha untuk

memberi kesedaran, pendidikan, menerapkan nilai-nilai kesederhanaan, nilai-nilai moral serta nilai-nilai kenegaraan.

Sehingga peringkat ini, Kerajaan masih dalam usaha menganalisa dan meneliti secara terperinci input dan cadangan-cadangan yang diperolehi melalui pendampingan awam (*public engagement*) dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti ahli akademik, jabatan dan agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pemimpin masyarakat di peringkat komuniti.

Memandangkan Akta ini memerlukan penelitian yang terperinci dan mendalam sebelum dimuktamadkan, usaha-usaha untuk mendapatkan input dari masyarakat sivil (*Civil society*) masih diteruskan supaya hasil yang diperolehi itu kelak lebih menyeluruh dan inklusif. Ini kerana kerajaan perlu mengkaji implikasi pewujudan satu undang-undang seperti ini kepada masyarakat dan juga membuat semakan secara mendalam supaya perbandingan dapat dibuat bagi memastikan undang-undang baru ini tidak bertindih dengan mana-mana Akta yang sedang berkuatkuasa pada masa kini.

Kerajaan amat menyedari bahawa penggubalan sesuatu Akta memerlukan penelitian dan ia tidak wajar dihasilkan dalam tempoh yang singkat, supaya hasilnya nanti akan memberikan impak yang boleh diterima oleh semua pihak. Adalah diharapkan juga sesuatu akta yang akan digubalkan nanti akan dapat membantu kerajaan dalam usaha memelihara keharmonian di antara kaum di negara ini.

Sekian, terima kasih.